

Akta Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja

SEJAK pandemik melanda negara, antara yang menjadi tumpuan pihak berkuasa dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ialah peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan pekerja asing yang bekerja di negara ini.

Hingga Januari lalu, jumlah kes jangkitan COVID-19 yang melibatkan pekerja asing melebihi 125 ribu kes, iaitu menghampiri separuh daripada jumlah kes keseluruhan di negara ini yang berjumlah 304 ribu kes (hingga 2 Mac 2021).

Keadaan yang membimbangkan ini memaksa kerajaan mengeluarkan arahan agar semua majikan digesa tidak menyembunyikan status kesihatan pekerja asing masing-masing sekiranya didapati positif COVID-19. Mengingat hal sedemikian, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan berkata, bagi membolehkan pengesanan awal pekerja asing yang positif COVID-19 sekali gus membendung penularan wabak tersebut khususnya dalam kalangan rakan sekerja yang lain, majikan perlu bertindak dengan lebih proaktif dalam membendung penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing yang bekerja dengan mereka. Beliau juga menggesa agar majikan perlu menyediakan pusat kuarantin untuk tujuan pengasingan pekerja asing mereka yang disahkan positif COVID-19. Kos perbelanjaan perubatan serta penyaraan pekerja asing semasa tempoh pengasingan

itu turut dibiayai oleh majikan masing-masing. M. Saravanan menambah, majikan juga disarankan untuk melakukan ujian saringan dalam kalangan pekerja asing yang selaras dengan Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit Langkah-Langkah di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan (No. 9) 2020 di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) yang berkuat kuasa pada 1 Januari lalu.

Tidak dinafikan bahawa antara punca utama yang menyebabkan penularan COVID-19 dalam kalangan pekerja asing di negara ini ialah tempat tinggal yang sempit, sesak, kotor, dan tidak dilengkapi dengan kemudahan kebersihan yang sepatutnya. Lebih mengejutkan lagi apabila didapati, penginapan yang disediakan kepada 1.4 juta orang atau 91.1 peratus pekerja asing di negara ini tidak mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 atau Akta 446.

Akta 446 (Pindaan) telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 dan Dewan Negara pada 31 Julai 2019, seterusnya diwartakan pada 18 September 2019. Akta ini berkaitan dengan penyediaan perumahan, penginapan dan kemudahan

kesihatan pekerja oleh majikan di semua sektor, iaitu kemudahan penginapan kepada pekerja perlu menepati piawaian yang ditetapkan bagi mengelakkan daripada majikan dikenakan didenda.

Mendepani pandemik COVID-19 di negara ini, beberapa kluster tapak bina telah dikesan di sekitar Kuala Lumpur. Hal ini menunjukkan bahawa warga asing merupakan golongan yang sangat berisiko untuk dijangkiti COVID-19. Budaya menginap secara beramai-ramai atau bersesak-sesak dalam satu unit kediaman, selain tahap kebersihan premis yang kotor mengakibatkan COVID-19 menular dalam kalangan mereka. Oleh itu, penguatkuasaan Akta 446 (Pindaan) 2019 diyakini dapat mencegah penularan wabak penyakit selaras dengan saranan Syor 115 (Syor Perumahan Pekerja 1961) Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Akta ini turut menjelaskan bahawa seorang majikan atau penyedia penginapan berpusat hendaklah menyediakan kemudahan yang sesuai dan mencukupi mengikut Akta 446 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya. Oleh itu, majikan atau penyedia penginapan berpusat yang menyediakan penginapan untuk pekerja di bawah bahagian ini hendaklah mempunyai kewajipan dan tanggungjawab yang berikut:

- i. Menyediakan penginapan yang berasingan untuk pekerja yang berlainan jantina;
- ii. Mengambil langkah pencegahan yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan pekerja terjamin;
- iii. Mengambil langkah keselamatan kebakaran mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan;
- iv. Memastikan bahawa sistem pendawaian elektrik mematuhi kehendak keselamatan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan;
- v. Memastikan bahawa pekerja menerima bantuan perubatan yang diperlukan; dan

vi. Mengambil langkah pencegahan untuk membendung penyebaran penyakit berjangkit sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan mengikut undang-undang bertulis yang berkaitan dan majikan hendaklah atas perbelanjaannya sendiri, membuat perkiraan sebagaimana yang diarahkan oleh Pegawai Perubatan Kesihatan supaya semua atau mana-mana pekerja diberikan imunisasi terhadap mana-mana penyakit berjangkit.

Walau bagaimanapun, masih terdapat ketidakpatuhan terhadap Akta 466 yang mengakibatkan banyak pekerja asing di negara ini terus dijangkiti COVID-19. Malah, M. Saravanan turut mengakui bahawa statistik peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan pekerja asing yang terkini amat membimbangkan dan sukar untuk dibendung jika tiada kerjasama daripada pihak majikan.

“Kerajaan menerima permohonan Perakuan Penginapan membabitkan hanya 143 587 atau 8.89 peratus daripada 1.6 juta orang pekerja asing di negara ini setakat, pada 31 Oktober lalu. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa majikan dan penyedia penginapan berpusat yang menyediakan penginapan kepada 1.4 juta pekerja asing di Malaysia masih gagal memohon perakuan itu daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM),” katanya.

Oleh itu, M. Saravanan menjelaskan bahawa operasi penguatkuasaan Akta 446 akan dilaksanakan secara berterusan dan majikan yang ingkar akan dikenakan tindakan tanpa sebarang kompromi.

Dalam hal ini, majikan yang gagal mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) boleh dikenakan denda sebanyak RM50 ribu bagi setiap kesalahan.

Sejak penguatkuasaan Akta 446 bermula pada 1 September lalu, JTKSM telah

menjalankan sebanyak 1850 pemeriksaan melibatkan 1813 orang majikan dan 37 penyedia penginapan berpusat di seluruh Semenanjung dan Wilayah Persekutuan Labuan. JTKSM turut meletakkan sasaran 25 ribu pemeriksaan menjelang tahun 2021.

Sementara itu, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing berkata, Perakuan Penginapan akan menjadi prasyarat kepada majikan yang berhasrat mengambil pekerja asing baharu berkuat kuasa pada 1 Julai 2021.

“Sebelum majikan membuat permohonan membawa masuk pekerja asing, majikan perlu mendapatkan Perakuan Penginapan daripada Kementerian Sumber Manusia bagi membolehkan Jabatan Imigresen Malaysia mengeluarkan visa. Hal ini bermakna, sebelum pekerja asing tiba di negara ini, penginapan yang mematuhi Akta 446 perlu disediakan oleh majikan. Jika majikan membawa masuk pekerja asing tanpa Perakuan Penginapan, pekerja itu ialah pendatang tanpa izin,” katanya yang turut mengingatkan majikan bahawa Akta 446 bukan hanya melibatkan pekerja asing, tetapi turut merangkumi pekerja tempatan. Ismail Sabri turut menjelaskan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Khas Penyelarasan Pekerja Asing kali kedua turut bersetuju supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mempercepat kelulusan permohonan pembinaan perumahan pekerja daripada majikan.

Banyak pihak, khususnya majikan yang mengaji pekerja asing perlu belajar daripada kesilapan apabila tidak mematuhi Akta 446 yang pada akhirnya mengakibatkan jumlah kes COVID-19 di negara ini terus meningkat. Oleh sebab itu, ada yang menyarankan agar denda yang lebih tinggi dikenakan kepada majikan yang degil. Selain itu, majikan di negara ini juga perlu melihat bagaimana negara lain, seperti Singapura atau Australia yang menjaga kebajikan pekerja asing meskipun ketika pandemik COVID-19 melanda negara tersebut. □